



17 JUL, 2022

ROAD TO MAHA 2022 KE LAPAN LOKASI TERPILIH

Mingguan Sarawak, Malaysia





17 JUL, 2022

ROAD TO MAHA 2022 KE LAPAN LOKASI TERPILIH

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

Road To MAHA 2022 ke lapan lokasi terpilih

GEDONG: Siri ketiga Road To MAHA 2022 yang diadakan di negeri ini bakal dimeriahkan di lapan lokasi terpilih, kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Badrul Hisham Mohd.

"Hari ini di Gedong kita dapat lihat pelbagai aktiviti promosi MAHA diadakan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan 'fruit of the event MAHA' iaitu keluarga Artocarpus seperti nangka, cem-

pedak, sukun dan nangchem.

"Selain itu, kita telah memilih sembilan menu makanan seperti laksa Sarawak, bahun belacan, ayam pansuh serta lain-lain dan lima usahawan dari Sarawak yang telah disaring akan berada di MAHA 2022," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) di Dataran Gedong, semalam.

Road to MAHA diadakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang akan berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos ini bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor dengan tema 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan'.

Ia merupakan platform bagi aktiviti pepadanan perniagaan, pameran teknologi dan inovasi terbaharu dalam bidang tani yang dijangka menjana lebih RM250 juta potensi nilai

jualan.

Badrul Hisham berkata bagi Sarawak, MAFI menyasarkan kutipan jualan produk pertanian negeri itu sebanyak RM400,000, tidak termasuk produk makanan Bumi Kenyalang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustapha Awang berkata dari 1 Jun hingga 10 Julai, program JTDLKM mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan berjumlah 588 tan metrik melibatkan

sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan.

"Program khas JTDLKM merupakan kerjasama lima agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

"Seramai 8,400 usahawan terlibat dengan sasaran nilai jualan adalah sebanyak RM10.5 juta," katanya. - Bernama



17 JUL, 2022

ROAD TO MAHA 2022 KE LAPAN LOKASI TERPILIH

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

KUALITITERBAIK... Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menunjukkan tembikai susu yang dijual ketika melawat pameran Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia 2022, Gedong, semalam. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pelancongan Kesenian dan Seni Persembahan Sarawak, Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah.